

Utamakan perpaduan Melayu

Pemimpin, ahli PAS yakin cadangan kerjasama demi masa depan bangsa

Oleh Saufi Hamzah, Khairul Anuar Abdul Samad, Amin Ridzuan Ishak, Iwan Tun Tuah, Siti Fatimah Mohamed Anwar, Zanariah, Abd Mutalib, Baharom Bakar, Nor Hatina Shuib, Mohd Amin Jalil dan Amir Mamat

bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Sebahagian pemimpin dan ahli PAS menyifatkan cadangan mengadakan perbincangan untuk menjalin kerjasama antara kepimpinan parti itu dengan UMNO perlu dilaksanakan untuk kepentingan dan masa depan orang Melayu dan umat Islam.

Mereka berpendapat ia boleh direalisasikan jika pemimpin kedua-dua parti mengutamakan perpaduan orang Melayu dan umat Islam serta kepentingan negara yang sekali gus akan mengelakkan persengketaan dan hina menghina antara satu sama lain.

Malah, PAS Pulau Pinang menyatakan kesediaan untuk berbincang mengenai perkara itu demi mengukuhkan perpaduan Melayu dan umat Islam di negara ini.

Pesuruhjaya PAS negeri itu, Mohd Salleh Man, berkata pihaknya pernah mengadakan rundingan secara tidak langsung dengan pelbagai pihak berhubung perkara itu dan bersedia berbincang dengan mana-mana pihak, termasuk UMNO.

Beliau berkata demikian ketika mengulas cadangan beberapa pihak, khususnya pertubuhan berkaitan orang Melayu dan ulama supaya UMNO dan PAS menjalin kerjasama untuk kepentingan Melayu dan Islam.

Ahli PAS Kawasan Tasek Gelugor, Mohd Hafiz Nordin, menggesa pemimpin parti itu dan UMNO tidak meletakkan syarat dalam usaha kedua-dua pihak untuk bekerjasama mengukuhkan perpaduan Melayu dan umat Islam kerana ia hanya akan melambatkan kerjasama

yang diidam-idamkan.

“Jangan letakkan sebarang syarat jika hati sudah berminat. Ini boleh disamakan dengan perkahwinan... jika seseorang sudah berkeinginan, masuk saja memiming tanpa ragu-ragu. Ini (kerjasama UMNO dan PAS) adalah satu usaha baik, terutama ketika hendak mencapai status negara maju menjelang 2020,” katanya.

Yang Dipertua PAS Klang, Ismail Arsat yang juga Ahli Majlis Perbandaran Klang (MPK), berkata atas dasar parti, beliau menyokong perpaduan kerjasama antara PAS dan UMNO, tetapi ia perlu berlandaskan Islam.

“PAS menyokong perpaduan atas landasan Islam dan perpaduan yang ingin dikecapi perlu mengikut Islam kerana Islam bersifat universal serta sempurna,” katanya.

Riyadi Abdul Raof, Ahli PAS dari Pengkalan Kundor, Kelantan, menyokong sebarang keputusan yang mampu memberi kebaikan kepada

kedua-dua pihak, khususnya orang Melayu dan umat Islam walaupun mengakui ia adalah proses yang sukar kerana kedua-dua parti mendukung prinsip dan dasar yang jauh berbeza.

“Penyatuan hanya boleh dilaksanakan jika pemimpin kedua-dua parti sanggup mengesahkan perasaan ego masing-masing dan mampu merencana formula terbaik untuk membangkitkan kekuatan bangsa Melayu dengan bertunjangan prinsip Islam,” katanya.

Ahli PAS di Besut, Terengganu, Zulfakar Muhamad, pula berharap pertemuan untuk penyatuan menjadi kenyataan kerana ia akan banyak membantu menguatkan Islam dan memperkukuhkan Melayu.

“Sudah sampai masanya pemimpin kedua-dua parti berusaha bersungguh-sungguh untuk bertemu dan berbincang tanpa meletakkan sebarang prasyarat,” katanya.

Bekas Naib Yang Dipertua

PAS Setiu, Azmi Maarof, berharap pucuk pimpinan peringkat pusat parti itu dapat merumuskan jalan untuk mencari titik pertemuan yang akan memanfaatkan Islam dan Melayu di negara ini.

Muslimat PAS dari Wakaf Mempelam, Ruqaiyah Muda, pula berkata sudah sampai masanya pucuk pimpinan parti membincangkan secara ikhlas dan terbuka dengan UMNO bagi memastikan Islam dan Melayu terus gemilang dan terbelah.

“Dalam mendepani arus globalisasi, Melayu dan Islam perlu kuat di negara ini dan kita tidak harus dibatasi asas perjuangan politik yang dikongkong perspektif keaifan semata-mata,” katanya.

Ketua Penerangan PAS Kuala Kedah, Ridzuan Abu Bakar, pula berkata beliau bersetuju rundingan diadakan jika hanya menyentuh mengenai kepentingan orang Melayu dan umat Islam, tetapi bukan percantuman antara UMNO dan PAS.

Berita Harian 20/07/2010 MS2